BAB 5: PENUTUP

6.1 Rumusan Dan Kesimpulan Kajian

Melalui usaha kajian dan penyelidikan yang telah dilakukan oleh pengkaji, dapat dirumuskan beberapa perkara iaitu;

Pertama, perkembangan hadith dan ilmunya secara tidak langsung telah berkembang walaupun dikatakan bahawa perkembangan ilmu Islam di alam Melayu banyak tertumpu kepada tiga bidang utama iaitu akidah, fikah dan tasawuf. Perkembangan hadith dan ilmunya tetap berlaku melalui resapan hadith yang dijadikan sebagai dalil atau nas hujah terhadap kenyataan dan keterangan yang dikemukakan dalam sesebuah karya. Dengan itu, sebahagian daripada karya-karya di alam Melayu banyak mengumpul dan memuatkan hadith-hadith di dalamnya walaupun ia bukan merupakan karya hadith. Tambahan pula, tidak dinafikan terdapat juga segelintir daripada ulama tempatan yang berusaha mengkaji dan menulis karya khusus dalam bidang hadith walaupun jumlahnya kurang berbanding tiga bidang ilmu yang tersebut.

Kedua, berkaitan dengan al-Mandīlī yang merupakan seorang tokoh ulama terbilang di alam Melayu. Pelbagai usaha dan sumbangan yang telah dicurahkan terhadap perkembangan ilmu-ilmu Islam khususnya melalui penghasilan karya atau kitab-kitab sebagai panduan dan bahan pengajian dan pengajaran kepada masyarakat. Sumbangan tersebut, menjadi khazanah alam Melayu yang tidak ternilai harganya. Tambahan lagi kealiman dan keilmuan yang dimiliki, beliau sama sekali tidak mensia-siakan anugerah tersebut kecuali dimanfaatkan untuk membantu dan mendidik masyarakat. Tanpa mengenal penat dan lelah, sepanjang hidup beliau telah dihabiskan untuk berbakti kepada ilmu sehingga mampu untuk mengarang dan menulis sama ada

melalui karya terjemahan atau karya asli yang berjumlah 24 buah karya menggunakan bahasa Melayu tulisan Jawi dan dua buah lagi dalam bahasa Arab. Karya-karya tersebut meliputi beberapa bidang keilmuan seperti usuluddin, fikah, politik, pendidikan, perundangan dan akhlak.

Ketiga, dengan memilih empat buah kitab dalam empat bidang keilmuan iaitu "*Penawar Bagi Hati"* dalam bidang tasawuf, "*Menakutkan dan Meliarkan Daripada Memasukkan Orang-orang Islam Akan Anak-anak Mereka Itu Ke Dalam Sekolah Orang Kafir*" dalam bidang pendidikan, *Pembantu Sekalian Orang Islam Dengan Harus Membaca Quran dan Sampai Pahalanya Kepada Sekalian Yang Mati* dalam bidang fikah dan *I'tiqad Orang Yang Percaya akan Quran dengan Turunn 'Isa 'Alaih al-Salam Pada Akhir Zaman* dalam bidang akidah, memberikan satu keistimewaan khusus kepada kajian ini yang mengkaji dan mentakhrij hadith-hadith yang tidak hanya tertumpu dalam satu bidang sahaja, bahkan gabungan bidang hadith dengan empat bidang keilmuan yang lain. Dengan itu, secara tidak langsung telah memberikan satu perbincangan yang menyeluruh dalam kepelbagaian bidang tersebut khususnya pengkajian terhadap karya-karya yang dipilih tersebut.

Keempat, berdasarkan usaha mencari dan mentakhrij hadith-hadith di dalam keempat-empat karya tersebut, terdapat 185 buah hadith termasuk hadith yang berulang, dengan pecahan 34 buah hadith dalam karya *I'tiqad Orang Yang Percaya akan Quran dengan Turun 'Isa 'Alaih al-Salam Pada Akhir Zaman*, 11 buah hadith dari karya *Menakutkan dan Meliarkan Daripada Memasukkan Orang-orang Islam Akan Anak-anak Mereka itu ke Dalam Sekolah Orang Kafir*, 36 buah hadith daripada karya *Pembantu Sekalian Orang Islam Dengan Harus Membaca Quran dan Sampai Pahalanya Kepada Sekalian Yang Mati* dan 104 hadith dari karya *Penawar Bagi Hati*.

Tambahan pula, status dan martabat hadith-hadith tersebut juga berada dalam pelbagai kategori.

Kelima, hasil daripada analisis yang telah dijalankan terhadap keseluruhan hadith-hadith di dalam keempat-empat buah karya yang dipilih itu, dapat dirumuskan seperti dalam jadual di bawah;

Jadual 10.0: Hasil Keseluruhan Analisis

Nama Karya/ Taraf Hadith	Sahih	Hasan	Da'if	Mawdu'	La Asla Lah	Tidak Dijumpai	Jumlah Keseluruhan
I'tiqad Orang Yang Percaya akan Quran dengan Turun 'Isa 'Alaih al-Salam Pada Akhir Zaman	16	3	10	1	-	4	34
Menakutkan dan Meliarkan Daripada Memasukkan Orang-orang Islam Akan Anak-anak Mereka Itu Ke Dalam Sekolah Orang Kafir	4	4	2	-	-	1	11
Pembantu Sekalian Orang Islam Dengan Harus Membaca Quran dan Sampai Pahalanya Kepada Sekalian Yang Mati	14	1	8	5	-	7	35
Penawar Bagi Hati	50	20	24	-	3	7	104

Jadual di atas jelas menunjukkan bahawa daripada analisis tersebut menunjukkan bahawa hadith-hadith daripada keempat-empat buah karya itu terdiri daripada pelbagai taraf dan termasuk daripada hadith-hadith yang lemah dan ditolak. Bahkan, sebahagiannya terdiri daripada hadith-hadith yang tidak diketahui tarafnya dan tidak pula dapat dikenal pasti secara jelas taraf atau sumbernya.

Akhirnya, diharapkan usaha kerdil ini dalam memberikan beberapa maklumat dan pendedahan baru khususnya dalam usaha mengkaji karya-karya ulama tempatan, memandangkan dunia Melayu juga tidak terlepas daripada terlibat dalam kancah perkembangan ilmu.

6.2 Cadangan Dan Saranan

Melalui kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji, secara keseluruhannya pengkaji memberikan beberapa cadangan dan saranan untuk tindakan pihak berwajib agar melengkapkan kajian ini dan sebagai satu tindakan susulan agar semua pihak dapat mengambil faedah dan pengajaran daripadanya. Antara cadangan pengkaji adalah;

1. Para pelajar dan para pensyarah hendaklah terus menerus mengadakan kajian dan penyelidikan terhadap karya-karya Jawi di Nusantara memandangkan masih terdapat banyak lagi karya termasuk yang berbentuk manuskrip yang belum diselongkar sepenuhnya.
2. Melalui pihak Jabatan, seharusnya memperbanyakkan seminar Nusantara agar maklumat daripada hasil kajian dapat disalurkan dan didedahkan kepada masyarakat dan para pelajar.
3. Pihak yang berwajib juga, perlu mengambil inisiatif dengan mengadakan penerbitan semula kitab-kitab Jawi khususnya dalam bidang hadith dengan edisi yang ditahkikkan dan diperbaharui.
4. Begitu juga, setiap daripada disertasi dan tesis yang telah siap dijalankan dan dijilid, seharusnya dikumpulkan khususnya yang memberi tumpuan kajian terhadap kitab-kitab Jawi, dan kemudian diterbitkan sebagai panduan dan rujukan masyarakat bersama.

5. Kepada tenaga pengajar seperti imam, guru-guru, tok guru pondok, perlu memastikan bahawa hadith-hadith yang dinyatakan dan disebutkan dari kitab-kitab jawi tertentu yang menjadi bahan pengajaran, telah ditakhrijkan atau dicari sumber dan taraf hadith tersebut bagi mengelakkan daripada beramal dengan hadith palsu dan daif.

6.3 Bibliografi

Rujukan Bahasa Melayu

‘Abdullah Ishak (1989M), *Sejarah Islam di Nusantara*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

A. Aziz Deraman, Dato’ Haji (t.t), *Kedatangan Islam dan Pembudayaan Alam Melayu*, Kuala Lumpur.

Ab. Mu’min Ab. Ghani, Prof. Madya Dr. *et al*, (2001), *Buku Panduan Pengkajian Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Abdul Ghani Azmi Hají Idris, Drs. (1998M), *Himpunan Hadith-Hadith Shahih*, Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers.

Abdul Halim al-Hadi (1949), *Ilham al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, Pulau Pinang: Persama Press.

Abdul Rahman Haji Abdullah (1997), *Pemikiran Islam di Malaysia Sejarah dan Aliran*, Jakarta: Gema Press.

'Azami, Muḥammad Mustafa (1989), *Kajian Metodologi dan Pengkajian Hadith*, (terj. Engku Ibrahim Engku Ismail) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Azyumardi Azra (1998), *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*, Bandung: Penerbit Mizan.

Bruinessen, Martin Van (1995M/1415H), *Kitab Kuning Pesentren dan Tarekat: Tradisi-Tradisi Islam di Indonesia*, (Abdurrahman Wahid) Bandung: Penerbit Mizan.

Deliar Noer (1980), *Gerakan Moderen Islam di Indonesia 1900-1942*, Jakarta: Lembaga Penelitian, Pendidikan dan Penerangan Ekonomi dan Sosial.

Faṭānī, Ahmad Fathy al- (2002), *Ulama Besar Dari Patani*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Huda Muhsin (1985M), *Pengenalan Kitab-Kitab Hadith al-Sunan al-Sittah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hamka, Abdul Malik bin Karim bin Amrullah, Haji (1997), *Sejarah Umat Islam*, Singapura: Pustaka Nasional,

Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Penyelidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP.

Ismail Che Daud (1988), *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)*, Kelantan: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

_____, (1992), *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Malaysia (1)*, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Kelantan,

_____, (1996), *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung (2)*, Kota Bharu: Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Mahayudin Haji Yahya (1994), *Naskah Jawi Sejarah dan Teks Jilid 1*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,

Mandilī, Abd al-Qādir bin Abd al-Mutalib al- (1961M), *Perisai Bagi Sekalian Mukmin*, Mesir: Maktabah al-Anwār.

_____, (1997M), Haji : *Penjelasan Beberapa Kesilapan Jemaah Haji*, Johor Bharu: Perniagaan Jahabersa.

_____, (t.t.), *Tuḥfah al-Qārī al-Muslim al-Mukhtarah Mimma Ittafaqa ‘Alayh al-Bukhārī wa Muslim*, Mesir : Dār Maṣir li Ṭibā‘ah.

_____, (1383H/1964M), *Penawar Bagi Hati*, Yala, Thailand: Sahabat Press.

Mohammad Redzuan Othman (2005), *Islam dan Masyarakat Melayu: Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Russell Jones (1987), *Hikayat Raja Pasai*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, hlm 13-16.

Salahuddin Hamid, dan Iskandar Ahza, Drs. (2003), *Seratus Tokoh Islam Yang Paling Berpengaruh di Indonesia*, Jakarta: Intimedia Ciptanusantara.

Shaghir, Wan Mohd, Abdullah (1990), *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani: Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*, Shah Alam: Penerbitan Hizbi,

_____, (1990), *Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyyah,

_____, (2000), *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*, Kuala Lumpur: Khazanah Fataniyyah.

Tajuddin Saman (1993), *Ulama Nusantara*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd,

Widji Saksono (1995), *Mengislamkan Tanah Jawa*, Bandung:

Rujukan Bahasa Arab

Ābādi, Muḥammad Abū al-Laith al-Khayr, Dr. (1420H/1999M), *Takhrīj al-Ḥāḍīṭḥ Nasyatuh wa Mahajiyyatuh*, UIAM: Dār al-Syākir.

_____, (2005M), *'Ulūm al-Ḥāḍīṭh Aṣīluhā wa Mu'āṣiruhā*, Bangi : Dār al-Syākir.

Abū Syuhbah, Muhammad bin Muhammad, Dr. (1409H/1988M), *al-Ta'rīf bi Kutub al-Ḥāḍīṭḥ al-Sittah*, Kaherah: Maktabah al-'Ilm.

'Ali 'Abd al-Ḥalīm Maḥmūd (1994), *al-Ta'rīf bi Sunnah al-Rasūl wa 'Ilm al-Ḥadīth al-Dirāyah*, Mesir: Dār al-Tawzī' wa al-Nashr al-Islāmiyah.

Bukhārī, Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'il al- (1421H/2001M), *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥāḍīṭḥ Rasullah s.a.w wa Sunanih wa Ayyāmih*, Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyah.

Haytamī, Abu Bakr al- [w.808H](1994), *Majma' al-Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id*, ditahqiqkan oleh Hisyam al-Dīn al-Qudsī, Kaherah: Maktabah al-Qudsī.

Ibn al-Athir, Majd al-Dīn al-Mubarak ibn Muhammad (1149-1209), (1969-1972M) *Jāmi` al-Uṣūl fī Aḥāḍīṭḥ al-Rasūl*, Beirut : Maktabah al-Hilyānī.

Ibn Hajar, al-Imām al-Ḥāfiẓ Aḥmad bin 'Ali bin Ḥajar al-'Asqālānī (1407H/1986M), *Fatḥ al-Bārī bi Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Imām Abī Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī*, Kaherah: Dār al-Riyān li al-Turāth.

'Iṭr, Nur al-Dīn, Dr. (1997M), *Manhaj al-Naqd fī 'Ulūm al-Ḥāḍīṭḥ*, Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'āṣir.

Khatīb, Dr. Muhammad 'Ijāj al-, (1419H/1998H), *Uṣūl al-Ḥāḍīṭḥ 'Ulūmuh wa Maṣṭalaḥuh*, Beirut: Dār al-Fikr.

Qaṭṭān, Mannā' al- (1421H/2000M), *Mabāḥith fi 'Ulūm al-Qur'ān*, Beirut: Muassasah al-Risālah.

Salīm, 'Amru 'Abd al-Mun'im (1420H/1999M), *al-Sunan wa al-Mubtadi'āt fi al-'Ibādāt*, Beirut: Mussasah al-Riyan.

Shaghir, Wan Mohd, Abdullah (1992), *Al-'Allāmah Syeikh Aḥmad al-Faṭānī Ahli Fikir Islam dan Dunia Melayu*, Kuala Lumpur: Khazanah Fataniyyah.

Shamālī, Yāsir al-, Dr. (1997M), *Manāhij al-Muḥaddithīn*, 'Ummān: Matba'ah al-Jāmi'ah al-Urduniyyah.

Suyūṭī, Muhammad bin Jalāl al-Dīn [1445-1505] al- (1980), *al-Jāmi` al-Saghīr fī Aḥāḍīṭḥ al-Basyīr wa al-Nadhīr* , Beirut: Dar al-Fikr.

Ṭaḥḥān, Dr. Maḥmud, (1404H/1984M), *Taysīr Maṣṭalaḥ al-Ḥāḍīth*, Kuwait: Maktabah Dār al-Turāth.

Tirmīdhī, Abī ‘Isā Muḥammad bin ‘Isā bin Sawrah al- [m.279H](1421H/2001M), *Sunan al-Tirmīdhī*, Beirut: Dar al-Fikr.

Wensinck, A. J. (Arent Jan), 1882-1939 (1933-1969), *al-Mu`jam al-Mufahrās li Alfāẓ al-Hadith al-Nabawi `an al-Kutub al-Sittah wa `an Musnad al-Dārimī wa Muwattā' Malik wa-Musnad Ahmad ibn Hanbal*, Leiden : E.J. Brill.

Rujukan Bahasa Inggeris

Hurgronje, C.S. (1906), *The Achehnese*, Layden: E.J. Brill.

Muhammad Abdul Rauf (1995), *The Muslim Mind*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rujukan Ensiklopedia, Jurnal, Kertas Kerja, Kamus, Disertasi dan Tesis.

Abd Jalil Borhan (1996), "*Sumbangan Ulama Dalam Perkembangan Islam Di Alam Melayu*", *Jurnal Syariah*, Bil 2, Jun 1996M.

Abd Aziz Mohd Zain, Dr. (1997), "Metode Da‘wah Wali Songo", *Jurnal Usuluddin*, Bil.7, Syaaban 1418H/ Disember 1997M.

Abdul Hayei Abdul Sukor (1424H/2003M), "Sumbangan Tok Kenali Kepada Gerakan Tajdid Islam di Kelantan", *al-Bayan, Jurnal al-Quran dan al-Hadith*, Bil.1, Mei 2003/ Rabi‘ul Awal 1424H.

Abd Ur-Rahman bin Mohamed Amin (2006), Sumbangan Haji Abdul Halim al-Hadi Dalam Bidang Hadith: Tumpuan Kepada Kitab *Tajdhib Atraf al-Hadith*", (Disertasi Sarjana, Bahagian Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Anwar Ridwan Zakaria dan Fauzi Deraman (1428H/2007M), "Perkembangan Huraian Hadith: Satu Sorotan", *al-Bayan, Jurnal al-Quran dan al-Hadith*, Bil.5, Mei 2007M/ Rabi‘ul Awal 1428H.

Arpandi Ismail (2008), "Tafsir al-Qur’an di Sumatera, Indonesia: Kajian Terhadap Metodologi Kitab Tafsir al-Qur’an al-Karim Oleh Abdul Halim Hassan, Zainal Arifin Abbas dan Abdul Rahim Haitami", (Tesis Doktor Falsafah, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Faisal Ahmad Shah (2007), "Metodologi pengkajian Mohamed Idris al-Marbawi dalam Bahr al-Madhi", (Tesis Ph.D, Bahagian Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Fauzi Deraman, (1997), "Kedudukan Hadith dalam Kitab Jawi: Satu Kajian Terhadap Karya-karya Syeikh Dawud bin Abdullah Al-Fataniy", (Tesis Ph.D, Bahagian Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

_____, (1997), "Karya-Karya Hadith Dalam Tulisan Jawi", *Jurnal Usuluddin*, Bil.7, Syaaban 1418H/ Disember 1997M.

Hasan Muarif Ambari *et al* (1996), *Suplemen Ensiklopedia Islam (2)*, Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Hoeve.

Hj. Mohd Sanusi Hj. Mahmood (1976), *Kamus Istilah Islamiah Sanusi*, Kota Bharu: Syarikat Dian Sdn Bhd.

Hussaian Sumood, Drs. (1981), *Kamus Paduan*, Kuala Lumpur: Penlite Publications.

Ishamuddin Abd Rahim (1987), *"Tokoh Ulamak al-Syeikh 'Abd al-Qadir al-Mandili: Tinjauan Pemikirannya Dari Aspek Politik"*, (Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi).

Kelana C.M dan Lai COI (1998), *Kamus Perwira*, Kuala Lumpur: Penerbit Daya Sdn Bhd.

Khadher Ahmad (2007), "Sumbangan Syeikh 'Abd al-Ṣamad al-Falimbānī Dalam Bidang Hadith: Analisis Metodologi Penyusunan dan Takhrij Hadith Dalam Kitab *Hidāyah al-Sālikīn*" (Disertasi Sarjana, Bahagian Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Mohamad Kamil Hj. Ab. Majid (1424H/2003M), "Sumbangan Dato' Haji Muhammad Nor bin Haji Ibrahim Kepada Bidang Tafsir dan Pengajian al-Quran", *al-Bayan, Jurnal al-Quran dan al-Hadith*, Bil.1, Mei 2003/ Rabi'ul Awal 1424H.

Noor Azma binti Mohammad Khassim (2002), "Sumbangan Sheikh Abdul Halim al-Hadi Kepada Pengajian Hadith: Tumpuan Terhadap Kitab *al-'Ilm dalam Ilham al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*", (Latihan Ilmiah, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Noresah Baharom, Hajjah (1998), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ramli Awang (2001), "Syeikh Abdul Qadir Mandili: Satu Analisis Biografi dan Aliran-Aliran Pemikirannya", (Tesis yang dikemukakan untuk memperoleh Ijazah

Doktor Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi).

Rosni Wazir (2006), "Hadith-Hadith Dalam Kasyf Al-Ghummah Juzuk Pertama Karya Syeikh Daud Al-Fatani: Takhrij Dan Ulasan", (Disertasi Sarjana, Bahagian Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam).

Toguan Malim Hasan, (2007), "Aplikasi Hukum Islam Di Mandailing Natal, Indonesia: Kajian Terhadap Peranan Ulama", (Disertasi Sarjana, Bhagian Syariah, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam).

Taufik Abdullah, Prof. Dr. *et al*, (2002), *Ensiklopedi Tematis Dunia Islam (Asia Tenggara)*, Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Hoeve.

Wan Mohd Shaghir Abdullah (1416H/1996), "Pengenalan Ulama Asia Tengggara Dahulu dan Sekarang", (Kertas kerja dibentangkan pada Seminar Ulama Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 23 Sya'ban 1416H/ 14 Januari 1996M di Kuala Lumpur, anjuran Persatuan Ulama Malaysia).

_____, (1424H/2003M), "Mengenali Pelbagai Karya Ulama dan Tokoh Borneo/Kalimantan", (Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Seminar Nadwah Ulama Nusantara II pada 14-15 Julai 2003 bersamaan 14-15 Jamadil Awal di Holiday Inn, Kuching, Sarawak anjuran Kerajaan Negeri Sarawak dan Fakulti Pengajian Islam UKM, Bangi, Selangor),

_____, (1995), "Syeikh Ahmad al-Fatani: Ulama Dan Tokoh Persuratan Melayu Dari Zaman Klasik Ke Arah Dunia Moden", (Kertas Kerja Dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu IV pada 14-16 Ogos 1995 Anjuran Jabatan Persuratan Melayu Universiti Kebangsaan Malayisa dan Dewan Bahasa dan Pustaka).

_____, (1995), "Perkembangan Pengkajian Hadith Ulama Asia Tenggara", (Kertas Kerja International Seminar on Islamic Studies In South-East Asia (ISIS) di Universiti Brunei Darussalam, pada 20-23 November 1995).

Yusuf Zaki Yaakob, "Masalah Pengasingan Saterawan Melayu Dalam Intelektualisme Islam", dalam Ismail Hussein (1984), *Sastera dan Agama*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rujukan Laman Web

Usrah Ibn Masran al-Banjari, http://tarbiyyahibnumasran.blogspot.com/2007/06/mengenali-tokoh-ulama-banjar.html.

Ulama Blogspot,http://ulama.blogspot.com/2005/09/syeikh-muhammad-nafis-al-banjari.html.

Ulama Blogspot, http://ulama.blogspot.com/2005/03/syeikh-ahmad-khatib-al-minankabawi.html.

Ulama Blogspot, http://ulama.blogspot.com/2005/06/syeikh-mahfuz-at-tarmasi.html.

Utusan Online, http://www.utusan.com.my/utusan/content.asp?y=2006&dt=1002&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm.

Laman Web Kelantan, http://kelantan.edu.my/tokkenali.htm.

Laman Web E-Mouse, http://www.e-mosque.com.my/kenalipondok/ulama.html.

Mohd Hashim Othman (2006), "Sufi dan Persuratan Nusantara", Ruangan Sastera, *Utusan Online*, 29 Jun 2006

Laman Saiful Islam oleh Ustaz Hasrizal, http://saifulislam.com.

6.4 Lampiran

1. Muka hadapan kitab *I'tiqad Orang Yang Percaya akan Quran dengan Turun 'Isa 'Alaih al-Salam Pada Akhir Zaman.*



اعتقاد

اورغ يغ فرچاى اكن قرآن

دغن تورن عيسى عليه السلام فد آخر زمان

ترجمة

الأستاذ عبد القادر بن عبد المطلب

الأندونيسى المندايلى

حقوق الطبع محفوظة

طبع بمطبعة الأنوار (بمصر)

2. Muka hadapan kitab *Menakutkan dan Meliarkan Daripada Memasukan Orang-orang Islam Akan Anak-anak Mereka itu ke Dalam Sekolah Orang Kafir*.



مناكوتكن

دان مليركن درفد مماسوقكن اورغ ٢ اسلام
اكن انق ٢ مريكيئت كدالم سكوله اورغ كافر

UST. MOHD. BASRI CHE HARUN
H/P NO. : 012 - 6176541

ترجماهن

الشيخ عبد القادر بن عبد المطلب الأندونسي المنديلي

خويدم طلبة العلم الشريف بالحرم المكي

UST. MOHD. BASRI CHE HARUN
H/P NO. : 012 - 6176541
07/09/07

حقوق الطبع محفوظة

طبع بمطبعة الأنوار (بمصر) في ربيع الاول ١٣٨٠

3. Muka hadapan kitab *Pembantu Sekalian Orang Islam Dengan Harus Membaca Quran dan Sampai Pahalanya Kepada Sekalian Yang Mati.*



UST. MOHD. BASRI CHE HARUN
H/P NO. : 012 - 6176541

فمبنتو سكلين اورغ اسلام

دغن هاروس ممباچ قرآن دان
سمفي فهالن كفد سكلين بغ ماتي

ترجمه

عبدالقادر بن عبدالمطلب الأندونسي المنديلي
خويدم طلبة العلم الشريف بالحرم المكي

(حقوق الطبع محفوظة)

الطبعة الأولى

دتانهملايو

١٣٨١ هـ — ١٩٦٢ م

دغن نفقه

الحاج وان عبدالصمد بن وان نيك
كورو اكام
فوكوء سناء باتو 12، الور ستر — قدح.

4. Muka hadapan kitab *Penawar Bagi Hati*.


فناور
باكى هاتى
مهمفونكندي اوله
الشيخ عبد القادر بن عبد المطلب الاندونسي
المنديلي خويدم طلبة العلم الشريف
فى الحرم المكى
چيتق كالي يهكامفة 4.000 نسخة
فد رمضان 1383 برسمأن فيرواري 1964
على نفقة الحاج اذهري بن الحاج مصطفى بهكونى
حقوق الطبع محفوظة للموءلف ولايجوز الطبع بغير اذنه
دچيتق فد صحابت فريس 56 جالن فاغا جالا، تهايلند

5. Pengkaji bersama dengan Sheikh Muhammad anak sulung kepada Sheikh ‘Abd al-Qadir al-Mandīlī di Masjid al-Haram, Makkah al-Mukarramah (Tahun 2006)

6. Kalangan anak-anak murid Sheikh Muhammad yang sedang mengikuti kuliah Maghrib beliau di Masjid al-Haram, Makkah al-Mukarramah.

7. Gambar Tuan Haji Abd Rahman yang memberikan keratan surat kematian al-Mandīlī.

8. Gambar Sahabat kepada Tuan Haji Abd Rahman yang turut mengikuti pengajian Syeikh Muhammad al-Mandīlī.

9. Gambar al-Mandīlī[1]

[1] Ehsan daripada url: http://www.drhayei.com/2010/07/kemusykilan-agama.html. 30 Julai 2012.

10. Catatan Tarikh Kematian al-Madīlī yang diedarkan selepas kematian beliau.


18/06/06, 7.00 PM (waktu Saudi 12AM Malaysia)

توان كورو شيخ عبد القادر بن
عبد المطلب المنديلي كمبالي
ترحمة الله وقت لغس كمبهيغ
صبح لبه كوراتي فوكل ١١ سعودي
د كيسهيغ * لغس عصر
هاري ثلاثاء ٢٠ ربيع الآخر
برتمان ١٧ أغطس تاهون
١٣٨٥ هـ
١٩٦٥ م